



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS:

(A)100-4/10 Jld.4 (167)

Tarikh :

11 Januari 2021

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 4 TAHUN 2021 PELAKSANAAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL KEPADA PEKERJA BERTARAF SEMENTARA BUKAN LANTIKAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI (SPAN) DAN KONTRAK DI BAWAH PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan Caruman Jenis Pertama (Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan).

2. LATARBELAKANG

Pembayaran ini adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 10/2020. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan pekeliling tersebut yang boleh didapati melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah <http://www.sabah.gov.my/ecircular>.

3. PENDAFTARAN MAJIKAN

3.1 Pihak majikan masing-masing adalah dikehendaki untuk mengisikan Borang Pendaftaran Majikan (Borang 1) dan Borang Pendaftaran Pekerja (Borang 2) dan mengemukakannya ke Pejabat PERKESO yang berdekatan.

3.2 Borang Pendaftaran Majikan (Borang 1) dan Pekerja (Borang 2) boleh diperolehi melalui laman sesawang PERKESO www.perkeso.gov.my atau di Pejabat PERKESO yang berdekatan.



“SABAH MAJU JAYA”

4. KAEDAH PEMBAYARAN POTONGAN CARUMAN PERKESO

4.1 Caruman ini adalah layak diberikan kepada pekerja-pekerja seperti yang dinyatakan dalam pekeliling PPNS Bil.10/2020 perkara nombor 7. Jabatan hendaklah menyedia input potongan caruman Perkeso melalui Sistem e Pay A3 dan menghantar input potongan caruman tersebut mengikut Jadual Penghantaran Input Bulanan. (Lampiran 1, PBNS Bil. 11/2020).

4.2 Caruman Perkeso ini adalah berkuatkuasa mulai Januari 2021, maka dengan itu sekiranya terdapat pekerja yang belum dicarum bermula bulan Januari 2021 masih boleh dilakukan dan ianya dianggap sebagai Tunggakan Caruman.

4.3 Bagi pekerja yang gaji mereka dibayar melalui Sistem Baucer Berasingan (SBB), caruman potongan Perkeso hendaklah dibuat secara manual oleh pihak Kementerian / Jabatan masing - masing.

4.4 Pihak Majikan perlu memohon untuk mewujudkan kod potongan (K71) kepada Seksen Akaun Amanah, JBNS sekiranya kod potongan caruman Perkeso ini belum pernah diwujudkan untuk Kementerian / Jabatan masing-masing.

5. JADUAL KADAR CARUMAN PERKESO

Kementerian / Jabatan masing-masing boleh merujuk Jadual Kadar Caruman Jenis 1 dalam Lampiran A PPNS Bil.10/2020.

6. KOD BAYARAN / POTONGAN

6.1 Kod bayaran / potongan Caruman Pekeso adalah seperti berikut:

KOD OBJEK	KOD SGP	SINGKATAN	PERIHAL
29342	271	PERKESO(M)	CARUMAN PERKESO - MAJIKAN
00000	809	POT.PKESO	PENGARAH PERKESO, KOTA KINABALU
29342	60F	T.PKESO(M)	TUNGGAKAN CARUMAN PERKESO KERAJAAN
00000	910	T.POTPKESO	PENGARAH PERKESO, KOTA KINABALU

7. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk mengambil perhatian mengenai pembayaran caruman PERKESO bagi pekerja yang bertaraf sementara bukan lantikan suruhanjaya dan kontrak yang dibayar melalui vot terbuka atau vot lain yang dibenarkan di Kementerian / Jabatan masing-masing.

8. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Akauntan Seksyen Saraan melalui telefon 088 - 368516.

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 4 TAHUN 2021 11 Januari 2021

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(MARY ANGELA SIPAUN C.A.(M), FCPA(A), ASEAN CPA)
Bendahari Negeri

ZAY

s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)

Pengarah
Jabatan Pertanian
Wisma Pertanian, Jln Tasik
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

Ketua Konservator Hutan
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p : Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 7, PPNS
88400 KOTA KINABALU
u.p : Puan Norainie binti Matali
Puan Rafidah Binti Ali Hassan
Encik Yazid Yuzairie Bin Yunos
Encik Wan Ahmad Hazwan Bin Ahmad Suhaini

“SABAH MAJU JAYA”